

NO. SOALAN: 28

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]

**TARIKH :** 8 APRIL 2015 (RABU)

**SOALAN :**

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung Kumpulan-25 yang terdiri daripada para birokrat, korporat dan teknokrat.

**JAWAPAN:** (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa bersikap terbuka dan sedia menerima pandangan daripada pelbagai pihak demi kepentingan agama dan negara. Pandangan tersebut harus selari dengan Perlembagaan dan dasar yang dibuat oleh Kerajaan dan berketepatan dengan sistem perundangan di negara ini serta melalui saluran yang betul. Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam

Malaysia (JAKIM) telah mengadakan pertemuan dan memberikan penjelasan kepada kumpulan tersebut akan hasrat kerajaan dalam melaksanakan undang-undang Islam di negara ini.

Sekian, terima kasih.